

WACANA ISLAMOFOBIA DALAM MEDIA MALAYSIA: OBLIGASI, ISU-ISU DAN CABARAN

Lee Kuok Tiung
Aisah Meri
Siti Suriani Othman
Liana Bt. Mat Nayan

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis komitmen dan usaha yang dilakukan oleh media di Malaysia untuk membendung penularan propaganda dan sentimen yang bermotif mengaibkan nama baik Islam dan Muslim di samping usaha-usaha meneutralkan stereotaip rasis tersebut dengan memberikan maklumat yang tepat berkenaan Islam dan Muslim. Hasil dapatan kajian melalui kaedah temubual mendalam dengan pengamal media dari beberapa buah akhbar arus perdana, stesen radio dan televisyen FTA terpilih telah merumuskan dasar dan polisi kerajaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam secara sendirinya telah menyumbang kepada usaha-usaha untuk mengawal penularan gejala Islamofobia. Komitmen untuk menjelas, mendidik dan memberikan kefahaman yang tepat tentang ajaran Islam dan Muslim di Malaysia sentiasa ada terutama melalui saluran media kerajaan. Tidak dinafikan ada berlaku insiden-insiden yang secara mudahnya boleh dimanipulasi untuk mencetuskan persengketaan sesama rakyat Malaysia yang berbilang etnik dan agama, tetapi media di Malaysia berjaya membantu mengawal dan meredakan keadaan. Kebanyakan usaha ini lahir daripada kesedaran tanggungjawab diri pengamal media di Malaysia untuk mengekalkan suasana aman dan harmoni dalam kalangan masyarakat pluralistik Malaysia. Keseluruhan senario ini turut menjadikan media di Malaysia sebagai sebuah model media negara Islam yang unik.

Kata Kunci: *islamofobia, pembedaan, ekonomi politik, rasis, & masyarakat pluralistik*

PENGENALAN

Penularan Islamofobia (*Islamophobia*) yang membawa nilai benci, stereotaip negatif dan prejudis terhadap Islam dan Muslim (umat Islam) menerusi kandungan media Barat telah membimbangkan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia. Antara yang terbaharu ialah penghasilan filem "*Innocence of Muslims*" yang sekali lagi telah membangkitkan kemarahan masyarakat Islam terhadap golongan yang dilihat sentiasa memprovokasi masyarakat Islam. Islam dan Muslim seolah-olah menjadi sasaran penerbit kandungan media di Barat. Berdasarkan penemuan kajian-kajian berkenaan Islamofobia, sebahagian besar negara-negara di dunia begitu obses dengan kandungan media yang mengadvokasi Islamofobia daripada pihak Barat (Saaed, 2007; Ogan et al., 2013 & Ahmed & Matthes, 2016). Pola yang mulai ketara boleh dilihat dalam industri perfileman masa kini adalah watak-watak jahat dalam filem-filem *Hollywood* telah bertukar daripada komunisme kepada terorisme terutama semenjak peristiwa 11 September 2001.

Dalam konteks Malaysia yang merupakan salah satu negara Islam nyata mempunyai keunikan yang tersendiri. Rakyatnya terdiri daripada masyarakat majmuk yang berbilang etnik dan mengamalkan kepercayaan agama dan kebudayaan yang berbeza diambilkira dalam pertimbangan penerbitan media. Agenda perpaduan kaum sentiasa mendapat perhatian kerajaan dan media di Malaysia. Peristiwa 13 Mei 1969 sering dijadikan rujukan untuk mengingatkan rakyat implikasi negatif perseteruan kaum. Namun, globalisasi yang menyaksikan ketembusan saluran-saluran media asing ke dalam mediaskap Malaysia telah mewujudkan cabaran baharu kepada pengusaha kandungan media nasional untuk menepis pengaliran masuk unsur-unsur negatif menerusi kandungan media. Ini juga bermakna pengusaha media dalam negara berdepan dengan pesaing daripada dalam dan luar negara.

Dalam hal ini, ketembusan Islamofobia ke dalam kalangan rakyat Malaysia boleh dilihat sebagai rentetan daripada mediaskap di Malaysia sendiri yang 'kaya media'. Misalnya, antara 1963 hingga 1984 hanya terdapat dua saluran televisyen sahaja iaitu TV1 dan TV2 di Malaysia. Monopoli tersebut mulai dipecahkan apabila berlaku perubahan dasar kerajaan membenarkan pihak swasta tampil membekalkan stesen televisyen sebagai pilihan tambahan atau alternatif kepada rakyat Malaysia. Kesannya, pada hari ini terdapat lebih kurang 80 akhbar harian dan mingguan, lebih 50 saluran radio sama ada kerajaan mahupun swasta, enam saluran televisyen teresterial iaitu FTA (*free-to-air*) yang boleh ditonton secara percuma dibawa oleh Jabatan Penyiaran melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Media Prima Berhad, 110 saluran televisyen berbayar oleh All Asia Network (ASTRO) menerusi satelit dan terkini adalah 79 saluran IPTV oleh *TELEKOM Malaysia* (TM televisyen – 39 saluran) dan *FINE TV* (40 saluran) melalui jalur lebar (*broadband*), dan ini tidak termasuk pilihan yang boleh diakses melalui TVRO yang mencecah ribuan saluran dari seluruh dunia.

Situasi ini meletakkan Malaysia dalam dunia tanpa sempadan atau 'perkampungan global' (*global village*) (McLuhan, 1964) dengan saluran-saluran media antarabangsa tersebut bertindak sebagai agen pembawa. Sekaligus, senario ini memaksa media di Malaysia (sebagai sebuah negara Islam) mempertingkatkan usaha-usaha untuk menangkis dan seterusnya berusaha membentuk persepsi yang positif dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap Islam dan Muslim, seterusnya mengurangkan unsur Islamofobia dalam kalangan khalayak media.

ISLAMOFOBIA

Menurut Allen (2010), Islamofobia mula diiktiraf secara formal oleh masyarakat dan lingkungan politik selepas penerbitan *Islamophobia: A Challenge for us all* oleh *Commission on British Muslims & Islamophobia* (CBMI) pada tahun 1997. Pelbagai pengkonsepan, diskusi dan penjelasan tentang Islamofobia boleh dijumpai disebabkan perbezaan pengetahuan tempatan, subjektiviti budaya dalam setiap masyarakat dan kepentingan nasional sesebuah negara (*lihat* Entman 1990, 1992; Brasted 1997; Dunn, et al. 2004; Poynting & Noble 2004; Boyle, et al. 2006; Fahmy 2010; Elliott & Greer 2010; Foster, et al. 2011). Masing-masing ada yang memberikan pendefinisian simplistik dan tidak kurang juga yang kompleks untuk menghuraikan manifestasi-manifestasi dan konsep-konsep di dalam Islamofobia.

Sarjana seperti Abdul Jalil Sajid (2005) berpendapat perkataan 'Islamofobia' hanyalah merupakan satu perkataan baru untuk perkataan lama 'takut'. Meskipun Islamofobia adalah suatu konstruk sosial yang secara relatifnya merupakan suatu fenomena baru, komponen-komponen yang terkandung dalam konstruk tersebut sebenarnya telah lama dibincangkan, dikaji dan dianalisis untuk suatu tempoh waktu yang begitu lama dalam pelbagai disiplin ilmu sains sosial (Zafar Iqbal 2010). Ini juga bermakna, Islamofobia meliputi suatu penginterpretasian subjektif yang kompleks, dan tertakluk kepada persekitaran dan *set-up* yang berbeza-beza, dan keadaan sosial dalam sesebuah masyarakat.

Bagi Lowe (1985) pula, stereotaip ini bersifat negatif dan berhubungkait dengan perbuatan-perbuatan memotret Islam sebagai "ketinggalan, tidak berpendidikan, lucah, dan ganas" yang mana mengakibatkan ketegangan antara Islam dengan bukan Islam. Brasted (1997) pula mengembangkan stereotaip Islam sebagai 'fundamentalis, militan, anti-Barat, dan menindas secara politik dan sosial.' Puncanya cukup mudah iaitu kerana kebencian, prejudis, dan ketakutan (perasaan terancam) akan kehebatan seseorang individu mahupun kumpulan yang berkenaan akan mengatasi diri pihak yang mempelaporinya. Pendek katanya ia timbul daripada perasaan iri hati yang menyebabkan intoleransi (ketidak-toleransian) yang akhirnya membawa kepada *Perang Salib* dan genosid. Pandangan ini disokong oleh sarjana seperti Zafar Iqbal (2010) yang melihatnya sebagai suatu bentuk intoleransi di mana manifestasi-manifestasinya boleh dijumpai dalam catat sejarah tentang perang-perang yang didokumentasi selama berkurun lamanya.

Dalam hal ini, Islamofobia dilihat sebagai suatu bentuk rasis sama ada rasis-Islam mahupun rasis anti-Muslim yang bertujuan mewujudkan perbezaan di antara kumpulan dalaman (*in-group*) dan kumpulan luar (*out-group*). Rasis merupakan istilah payung (*umbrella term*) kepada diskriminasi perkauman (*racial discrimination*) berasaskan perbezaan 'bangsa' atau keturunan, etnik dan budaya, moral mahupun agama. Dunn et al. (2004) menjelaskan, rasis boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu 'rasis lama' (*old racism*) yang berlandaskan kepada kefahaman perbezaan sosio-biologi untuk 'bangsa', iaitu kepercayaan terhadap ketuanan sesuatu kumpulan dan hierarki dalam masyarakat, dan 'rasis baru' (*new racism*) adalah rasis yang berlandaskan perbezaan budaya yang melihat budaya lain sebagai ancaman kepada nilai-nilai suatu budaya dominan.

Menurut Allen lagi, rasis ini termasuklah apa yang dipanggil xenofobia (*xenophobia*). Sarjana yang mendukung pandangan ini termasuklah Hall (1992) yang melihat Islamofobia sebagai suatu bentuk rasis budaya (*cultural racism*). Jelas beliau, sesuatu etnik akan melihat kumpulan etnik lain sebagai mengancam dan berisiko mewujudkan masalah sosial kepada mereka apabila nilai-nilai kumpulan etnik asing itu mulai menular masuk. Kuasa di sebalik rasis-rasis tersebut adalah ideologi agama yang ekstrem sehingga membawa kepada penderaan dan keganasan terhadap umat Islam seperti serangan ke atas masjid-masjid, dan tempat-tempat ibadat Islam, tidak menghormati adat dan peraturan seorang Muslim, diskriminasi pendidikan, pekerjaan, mahupun peruntukan yang lebih sedikit bagi mereka yang beragama Islam dalam pembangunan kerajaan. Islamofobia mempengaruhi semua

aspek kehidupan umat Islam dan lebih memilukan sekiranya menurut Afshar (2008), tekanan tambahan terhadap wanita-wanita Islam merangkumi pelbagai aspek kehidupan, peluang-peluang yang ada untuk mereka termasuk dari segi tekanan politik.

Berbeza bagi Esposito (1992), perkembangan pengaruh Islam merentasi benua dalam tempoh masa yang singkat telah membentuk cabaran teologi, politik dan budaya kepada Barat. Sarjana seperti Humphreys (1992) menjelaskan fenomena beramai-ramai memeluk Islam yang menimbulkan ketidak-senangan sesetengah pihak. Esposito juga menambah bahawasanya Barat mendapati lebih mudah untuk memusnahkan (*demonize*) Islam dan Muslim daripada cuba memahaminya.

Peningkatan kesedaran dan advokasi-advokasi hak asasi manusia di negara-negara maju (Barat khususnya), dan berakhirnya diskriminasi terhadap 'orang kulit hitam' serta penghapusan dasar Aparteid (*Apartheid*) memaksa media Barat tampil dengan sesuatu yang baru iaitu Islamofobia untuk mengalih perhatian rakyat di negara-negara terbabit terhadap masalah-masalah dalaman mereka kepada 'musuh luar' baru (iaitu Islamofobia dan sebelumnya komunisme) bersama dan seterusnya membantu menyatupadukan mereka. Ini terutamanya dalam konteks negara AS dan anggota-anggota Kesatuan Eropah (EU) yang kini berdepan dengan masalah ekonomi yang kritikal dan dibayangi kemufilsan. Diskusi sterotaip media ini boleh dilihat dalam penulisan-penulisan oleh sarjana-sarjana seperti Devine dan Elliot (1995), Morgan dan Shanahan (1997), Gerbner, et al. (2002), Gorham (2006) dan banyak lagi.

Maka tidak hairanlah, nama 'Islam' dan 'Muslim' begitu sinonim dalam kajian-kajian terorisme global (*lihat* Hoge & Rose 2001). Hegemoni Amerika (*lihat* Chomsky 2002, 2003) telah menyaksikan eksploitasi kuasa media mereka untuk meracuni pemikiran penduduk seluruh dunia dengan fitnah dan maklumat yang tidak benar bahawa Islam dan Muslim itu adalah terorisme. Keadaan ini nampak agak malang bagi agama Islam dan Muslim kerana konsep terorisme itu sebenarnya berasal dari gerakan-gerakan revolusioner untuk mengulingkan kerajaan-kerajaan di negara Barat sendiri seperti yang berlaku di Perancis, gerakan Tentera Republikan Ireland (IRA) yang menuntut kemerdekaan di Britain dan sebagainya.

Rakyat Malaysia sebenarnya tinggal dalam persekitaran media global yang mana menyaksikan imej-imej yang memainkan peranan penting (*decisive*) dalam rutin harian mereka dihasilkan dan dipakej dengan penuh teliti dengan bermotif mengaibkan nama baik Islam dan Muslim. Masing-masing seakan-akan ada kepentingan tertentu yang ingin dipertahankan tidak kira dalam konteks agama, budaya mahupun negara. Sebagai misalannya, dapatan kajian Mahony (2010) menunjukkan akhbar di Australia dan Indonesia nampak jelas berbeza dari segi pemaparan penganas (*terrorists*), kumpulan-kumpulan Islam dan sikap kedua-dua negara terhadap terorisme apabila menyentuh peristiwa pengeboman di Bali tahun 2002 dan 2005, serta pengeboman Kedutaan Australia di Jakarta pada 2004.

Media bertindak sebagai pelapor dan pemangkin kepada penularan gejala Islamofobia. Kajian Saeed (2007) misalnya mendedahkan Muslim di Britain yang merupakan golongan minoriti dari perspektif perkauman mendapati perwakilan mereka dalam media adalah 'bias dan sering kali secara terang-terangan rasis.' Ini berkait rapat dengan hujah Cottle (2000, 2006) yang mendapati fenomena Islamofobia sebenarnya berasal daripada 'persekitaran media global di mana media mempunyai kedudukan yang sangat berkuasa mewakili (*representing*) mahupun tersilap mewakili (*misrepresenting*) sesebuah kumpulan sosial atau minoriti.'

Khususnya bagi Malaysia, apabila menyentuh tentang perwakilan etnik dalam media negara ini, Syed Arabi Idid (1989) pernah memberikan pandangan dalam masyarakat pluralistik Malaysia adalah sukar daripada tidak menyentuh persoalan-persoalan berkenaan permasalahan-permasalahan etnik dan perpaduan negara dalam analisis media. Rakyat di Malaysia berbilang etnik (Melayu, Cina, India, dan Bumiputera Sabah Sarawak) dan masing-

masing mempraktikkan pelbagai amalan agama yang berbeza khususnya Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Hal ini boleh dikaitkan kepada kekhuatiran sesetengah golongan rakyat terhadap kesan buruk yang boleh dilakukan oleh golongan ekstremis dan teroris sepertimana yang sering disaksikan dalam laporan-laporan berita antarabangsa.

Kajian perbandingan kewartawanan dalam kalangan wartawan Islam di Indonesia dengan yang ada di Malaysia oleh Steele (2011) gagal menunjukkan sebarang perbezaan mahupun persamaan yang signifikan. Begitupun, amalan kewartawanan di kedua-dua negara ini dipengaruhi oleh konteks lokal iaitu peribahasa dan prisma Islam meskipun pada umumnya nilai-nilai kewartawanan yang dipegang adalah universal. Umumnya, usaha-usaha daripada sarjana lain seperti Gholam Khiabany (2003) telah mendesak diperkenalkan sebuah model kewartawanan Islam dan ianya harus didukung. Ini terutama untuk menjawab pertanyaan yang sering diutarakan sarjana Islam iaitu 'apakah mungkin boleh diperkenalkan sebuah model kewartawanan Islam yang boleh digunapakai sekurang-kurangnya oleh semua 56 buah negara anggota OIC?'

Menyentuh dari segi peranan kewartawanan dalam soal Islamofobia, Zelizer dan Allan (2002) serta Kovach dan Rosenstiel (2001) merupakan antara sarjana yang paling menekankan obligasi (kewajipan) paling utama para wartawan adalah kepada kebenaran. Hal ini bersamaan dengan pelaporan yang seimbang yang mana Tuchman (1978) telah mendedahkan percanggahan ketara yang boleh disaksikan adalah salah satu komponen yang dimaksudkan oleh wartawan-wartawan Amerika apabila mereka perkatakan sesebuah cerita adalah 'objektif.' Begitupun, perlu sedar juga bahawa apa yang dikatakan sebagai subjektiviti dalam objektiviti di mana media di serata dunia akan cuba membimbingkaikan isu-isu global dari perspektif kepentingan negara masing-masing. Selain itu, sudut pandang media terhadap Muslim dan Islam ini pernah dibincangkan oleh sarjana-sarjana seperti Poynting dan Mason (2006), Manning (2006) dan banyak lagi.

Tuchman (1978) juga pernah berbicara tentang kuasa media dan telah mendedahkan realiti yang dipotretkan oleh media tidak semestinya mewakili realiti sosial kerana melalui kuasa pembingkaiian (*framing*) media. Melalui proses ini, maka dengan mudahnya media mengajak khalayak memahami sesuatu objek (peristiwa) sebagaimana dikehendaki media. Berkaitan ini, (Norris, Kern dan Just (2003) mendapati golongan Muslim sering dipaparkan sebagai teroris oleh media Barat. Saranan-saranan itu semuanya telah didukung sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung oleh semua akhbar dan televisyen di Malaysia (namun di sini sukar untuk dijelaskan tentang media baharu terutamanya portal-portal berita *online* dalam Internet adalah sama). Mediaskap Malaysia menyaksikan limpahan saluran-saluran media tempatan dan nasional. Selain itu, hasil dapatan kajian Said (1997) merumuskan masyarakat umum di Amerika Syarikat dan Eropah merujuk Islam sebagai 'berita' yang tidak menyenangkan.

Begitupun, ini semua hanyalah sebahagian daripada limpahan wacana, manifestasi dan realiti yang berbeza-beza mengikut pandangan pihak-pihak yang berbeza. Zionisme itu sendiri misalannya adalah gerakan anti-agama perkauman yang didorong oleh kuasa geopolitik dan kewangan. Boleh dirumuskan di sini bahawa Islamofobia ini berpunca daripada pemikiran, tingkahlaku, keutamaan, kesukaan dan tidak suka, keadilan diadili, dan bias terhadap Islam dan Muslim. Justeru itu, berdasarkan komponen-komponen di dalam konstruk Islamofobia yang dicadangkan oleh Zafar Iqbal *ibid.*, kajian ini bertujuan menganalisis komitmen yang diberikan oleh media nasional Malaysia mengatasi kepincangan yang dicetuskan oleh fenomena Islamofobia.

OBJEKTIF

Prejudis terhadap Muslim dan Islam telah menimbulkan minat dan sikap ingin tahu dalam kalangan sarjana dan penyelidik untuk mengkaji permasalahan ini. Objektif pertama kajian ini adalah mengenalpasti persepsi pengamal media di media nasional Malaysia terhadap penularan fenomena Islamofobia menerusi media. Ini terutama sikap media di Malaysia terhadap Islam dan Muslim dalam usaha memahami orientasi media di Malaysia terhadap bias agama dan perkauman di Malaysia. Objektif kedua kajian ini adalah mengenalpasti usaha-usaha yang dilakukan oleh media di Malaysia untuk menangani prejudis media global terhadap Islamofobia dan Muslim. Ini merangkumi usaha-usaha pembersihan seperti meneutralkan pemaparan-pemaparan laporan negatif seperti *Jihad* yang disalah konsepkan oleh *Fox News* yang menjadi *mouthpieces* pelbagai pihak masa kini.

KAEDAH KAJIAN

Diskusi kajian ini diperolehi daripada temubual mendalam (*in-depth interview*) dengan pekerja-pekerja media (*media workers*) dari pelbagai pengkhususan iaitu wartawan, editor dan juga wakil daripada pengurusan organisasi media yang merangkumi akhbar dan stesen televisyen. Antara syarat pemilihan (*screening*) sampel adalah informan mestilah bertugas minimum lima tahun dalam organisasi media tersebut dan merupakan wartawan kanan (BJ kalau penyiaran) dan editor dalam organisasi media berkenaan. Mengambil kira *good representative* atau perwakilan terbaik, informan-informan kajian ini diperolehi dari organisasi media kewartawanan dan penyiaran iaitu bilik berita stesen televisyen di bawah *Media Prima*, Bilik Berita Hal Ehwal Semasa (BES), *RTM*, dan dua akhbar arus perdana nasional dan dua akhbar tempatan di Sabah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keseluruhannya perbincangan dapatan kajian ini berdasarkan temubual mendalam dengan pengamal media daripada media penyiaran sama ada televisyen atau radio, dan akhbar versi cetak. Perbincangan tentang tahap penularan Islamofobia di sesebuah negara amat bergantung kepada persekitaran dan *set-up* negara Islam yang dibincangkan dan mengambil kira kewujudan pelbagai bahasa, sejarah, tahap pembangunan ekonomi dan amalan kebudayaan yang berbeza-beza.

FAKTOR-FAKTOR PENULARANAN ISLAMOFOBIA

Reaksi pengamal media Malaysia terhadap Islamofobia menunjukkan rata-rata mereka peka dengan peningkatan agenda media Barat untuk memburuk-burukkan nama baik Islam dan Muslim. Menurut informan, umumnya kebanjiran saluran media asing hasil kemajuan teknologi komunikasi dalam mediaskap Malaysia dipercayai menyumbang kepada penularan Islamofobia dalam kalangan masyarakat Malaysia. Menurut informan, "*jumlah liputan yang tidak seimbang*" disebabkan jumlah saluran-saluran media asing dari Barat yang mendukung sentimen anti-Islam dan anti-Muslim sedikit-sebanyak telah meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia. Sentimen Islamofobia menerusi kandungan media Barat secara tidak langsung mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia yang meminati saluran-saluran asing. Propaganda-propaganda berniat jahat yang terselit dalam kandungan media Barat untuk memesonkan pemikiran dan persepsi penduduk dunia terhadap Islam kini terlalu banyak berbanding pihak yang bertekad memperbetulkan fakta dan memberitahu Islam dan Muslim yang sebenar.

Dalam masa sama, sukar untuk menolak kandungan media Barat yang menyelitkan propaganda yang menjurus kepada Islamofobia untuk menutup pekung dan sengkelat diri mereka. Ini berpunca daripada ideologi dan kepentingan diri yang berbeza tidak kira sama

ada dalam konteks politik, ekonomi mahupun nasional. Informan telah memberi pelbagai contoh seperti penaklukan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq pada tahun 2003 dengan alasan Iraq memiliki senjata pembunuh massa (*Weapon of Mass Destruction* - WMD). Rata-rata penduduk dunia pada hari ini telah terlepas pandang tanggungjawab AS terhadap pertuduhan yang dilemparkan tersebut. Bekas presiden Iraq, Saddam Hussein yang merupakan satu-satunya pemimpin Islam yang telah melancarkan peluru berpandu Scud ke Tel Aviv, Israel pada tahun 1991 iaitu sebelum Perang Teluk (*Gulf War*) telah pun dijatuhi hukuman mati oleh AS.

Keagresifan media di Barat mempromosikan Islamofobia juga dipercayai untuk mengalih perhatian rakyat dalam negara masing-masing terhadap masalah-masalah internal negara yang bersilih-ganti seperti yang dihadapi AS dan anggota-anggota EU khususnya *PIGS* iaitu Portugal, Itali, Greek dan Sepanyol kepada 'musuh luar' yang dicipta media. Agak malang di sini kerana Islam dan Muslim telah dijadikan sasaran mereka. Begitupun, menjawab sebab media Barat melancarkan Islamofobia, terdapat juga informan-informan yang berpendapat, "*Jewish [people] does not only own the media but run the media,*" dan "*Feel uneasy with others.*" Ini dikaitkan dengan pemilikan media dan semudah rasa iri hati dengan pihak lain. Terdapat juga pandangan yang lebih 'berat' sedikit sifatnya iaitu disebabkan "*Religion ... is the easiest wayto gain supports ... as communism has decreased, even China today is becoming more liberal and being liberalized, so easiest way is to use terrorism as the new agenda.*"

Apa-apapun terdapat juga 'faktor penarik' disebabkan kelemahan-kelemahan yang terdapat di sesetengah negara-negara Islam khususnya diskriminasi wanita dan pergerakan puak radikal yang mana sebenarnya bukannya daripada ajaran agama Islam itu sendiri. Perkara-perkara yang bercanggah dengan tuntutan hak asasi manusia ini membuka peluang kepada media di Barat mencemarkan nama baik Islam dan Muslim, tambahan lagi ada sesetengah rakyat negara Islam itu sendiri yang mudah diperalatkan untuk memperkukuhkan dakwaan media Barat.

Faktor penyumbang dari dalam negara sendiri sepertimana memetik pendapat daripada informan, "*pelaporan media berdasarkan pengetahuan yang cetek dan ideologi politik*" turut menyumbang kepada penularan Islamofobia dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara contoh yang diberikan oleh informan adalah isu pertikaian penggunaan kalimah *Allah* dalam *Herald* menyinggung perasaan penganut agama Kristian yang telah lama menggunakannya. Menurut informan, "*seseorang wartawan yang ada membuat sedikit kajian, mereka harus menyedari perkataan "Allah" bermaksud "Tuhan" dalam Bahasa Arab dan mana-mana pihak yang cuba menuntut hak eksklusif terhadap penggunaan istilah tersebut harus menyedari [mempertimbangkan] perkataan tersebut telah lama wujud sebelum ajaran Islam diperkenalkan.*" Begitu juga dengan pelaporan berita tentang perancangan PAS melaksanakan *Hudud* sekiranya PR berjaya membentuk kerajaan Malaysia dalam PRU ke-13 jelas telah menimbulkan ketakutan terhadap konsep Islam dan amalan Muslim yang diwar-warkan. Ini bukan sahaja dalam kalangan bukan Islam tetapi juga dalam kalangan Muslim sendiri.

Terdapat juga isu-isu peminggiran sosial di Malaysia yang berteraskan kecelaruan moral yang telah mencalar nama baik Islam dan Muslim seperti *Seksualiti Merdeka*. Pendirian devian yang melawan arus perdana tersebut dilihat mencalar nama baik Islam apabila ada Muslim sendiri yang terlibat sama. Begitu juga halnya dengan gerakan anasir-anasir Jemaah Islamiah (JI) di Malaysia juga merupakan suatu isu hangat dan insiden rampasan senjata oleh anggota kumpulan Al-Ma'unah dari kem tentera Gerik, Perak yang kemudiannya diberkas di Bukit Jenalek, Sauk, Perak (pada 2-6 Julai 2000) yang dengan mudah juga boleh dimanipulasi oleh media untuk maksud terorisme.

KOMITMEN MEDIA & KERAJAAN MEMERANGI ISLAMOFOBIA

Stesen-stesen televisyen FTA di Malaysia telah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan tentang kesucian Islam dan Muslim dalam kalangan masyarakat Malaysia. Menurut informan, rancangan sebegini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu rancangan yang diterbitkan khas dengan tujuan mendidik nilai-nilai Islam dan keduanya, rancangan umum yang sebahagian besarnya berteraskan hiburan tetapi menyelitkan unsur-unsur Islam. Contohnya rancangan terbitan khas adalah *Surah Pilihan*, *Ijazul Quran*, *Forum Perdana Ehwat Islam* (melibatkan penggunaan media sosial *facebook* untuk penonton memberikan pandangan dan mengajukan persoalan-persoalan kepada ahli panel) dan siaran-siaran *Azan* (*Subuh*, *Zuhur*, *Asar*, *Maghrib*, *Isyak*) mengikut masanya dalam TV1, rancangan realiti televisyen *Imam Muda* (*Young Imam*) dalam *Astro Oasis*, rancangan *Jejak Rasul* siaran TV3 yang kini telah memasuki edisi ke-17 pada tahun 2011 memberi peluang rakyat Malaysia melihat pengaruh Islam dalam kehidupan masyarakat di serata dunia.

Rancangan-rancangan yang tergolong dalam kategori kedua adalah seperti *Wanita Hari Ini*, *Dapur Nyonya*, dan drama-drama bersiri Melayu. Rancangan *Sudut Pandang* siaran *Astro Awani* yang bukan sahaja menjemput tokoh-tokoh dan pakar-pakar dalam bidang berkaitan untuk mengupas isu-isu semasa tetapi turut menggunakan media sosial *facebook* (*U-wartawan*) untuk khalayak memberi respons terhadap program mereka. Semua ini harus dilihat menyumbang kepada peningkatan kefahaman tentang Islam dan Muslim.

Menyentuh dari aspek pemberitaan, program-program berita berjadual di TV1 (*Berita Nasional*, & *Berita Wilayah*), TV2 (*Berita Mandarin*, *Berita Inggeris*, *Berita Tamil*), TV3 (*Buletin Pagi*, *Buletin 130*, *Buletin Utama*, & *Nightline*), NTV7 (*Edisi 7 & 7 Edition*), 8TV (*8TV Mandarin*), dan TV9 (*Berita TV9*) yang terikat dengan obligasi menggalakkan (mendukung/memupuk) matlamat dasar dan polisi kerajaan yang mengkehendakkan media membantu mempromosikan nilai-nilai Islam sesuai (mengambil kira komposisi etnik) dengan konteks masyarakat majmuk pluralistik Malaysia. Begitu juga dengan program-program ehwal semasa seperti *Selamat Pagi Malaysia*, *Hujung Minggu Malaysia*, *Di Luar Lingkungan*, *Wadah* (*Suara Siswa*), *Khabar Malaysia*, *Dialog*, *Forum Perdana Ehwat Islam*, *Galeri Nasional*, *Isu*, *Apa Kata Wanita*, *Titik Sentuhan Terus Bertindak* dan *Eksklusif* oleh TV1 bersama-sama *Malaysia Hari Ini*, *Wanita Hari Ini*, *Aduan Rakyat*, *Bersamamu*, *999*, *Al-Kulliyah*, *Majalah3*, *Nona*, dan *Jom Ronda* oleh TV3. Pihak pengurusan Astro turut mengimbangi perspektif-perspektif berita Barat dengan menyediakan saluran berita nasional seperti *Astro Awani* dan saluran-saluran TV pendidikan yang mendidik agama Islam khususnya *Astro Oasis*, *Astro Ria*, dan sebagainya. Terbaharu adalah *TV Al-Hijrah* oleh *Alhijrah Media Corporation*. Komitmen daripada kerajaan turut tidak terkecuali melalui pengenalan saluran berita *Bername TV*.

Peranan pemberitaan juga boleh dilihat pada liputan serangan Amerika Syarikat (AS) dan Britain ke atas Iraq dari sudut berita yang berbeza. Dalam mengimbangi propaganda laporan media Barat untuk 'memutihkannya' atau 'menghalalkannya' serangan mereka ke atas Iraq misalnya, media di Malaysia menulis semula sudut berita yang dilaporkan mengikut ideologi dan pendirian negara berhubung isu tersebut. Terbaharu media di Malaysia turut memberi liputan meluas kepada perbicaraan simbolik terhadap George W. Bush (bekas Presiden Amerika Syarikat 2001-2009) dan Tony Blair (bekas Perdana Menteri Britain 1997-2007) di Kuala Lumpur atas pertuduhan (sebagai penjenayah perang/ petualang sebenar) melakukan jenayah mencabul keamanan dan melanggar undang-undang antarabangsa dalam serangan ke atas Iraq. Serangan yang diketuai Amerika Syarikat dan Britain dengan alasan Iraq memiliki senjata pemusnah massa sehingga hari ini belum dijumpai meskipun bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein telah dijatuhkan hukuman mati oleh tribunal (oleh Tribunal Tinggi Iraq pada 6hb November 2006) boneka Amerika Syarikat. Isu-isu antarabangsa seperti ini sering mendapat perhatian media di Malaysia terutamanya penindasan rejim Israel terhadap Palestin, kebangkitan negara-negara Liga Arab, dan sebagainya di mana pemberitaan di Malaysia memberikan sudut perspektif Malaysia. Contoh

isu-isu yang boleh dirumuskan hasil temubual dengan informan termasuklah peristiwa Gerakan Aceh Merdeka (GAM) di Indonesia; konflik di Selatan Thai, gerakan puak Uighur, Urumuqi, Xinjiang, China menuntut kemerdekaan; Muammar Gaddafi di Libya; liputan perang di Bosnia, Iraq dan sebagainya.

Isu-isu antarabangsa yang mendapat perhatian media Malaysia ini, pada pandangan informan, - diharapkan boleh dijadikan teladan dan pengajaran kepada rakyat Malaysia. Sepertimana kata salah seorang informan, "*kita tidak mahu Malaysia menjadi lokasi militan-militan.*" Namun, semua isu ini memerlukan kajian yang teliti sebelum dilaporkan. Sebagai misalannya, tindakan kerajaan China mengelak orang ramai berkumpul di sesuatu tempat sewaktu darurat susulan pengeboman-pegeboman di tempat awam oleh puak pemisah (*separatist*) Uighur sebagai genosid terhadap orang-orang Han, mudah disalah interpretasikan sebagai tiada kebebasan agama jika mengambil tindakan pemerintahan tentera sementara yang tidak membenarkan Muslim mengerjakan solat Jumaat pada minggu tersebut. Jika pemberita mengambil inisiatif melihat peristiwa-peristiwa hitam yang berlaku beberapa hari sebelum itu dan sejarah Urumuqi, maka pemberita akan mendapat gambaran yang lebih tepat berkenaan apa sebenarnya yang berlaku.

Akhbar-akhbar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Malaysia juga sering kali dilihat membantu menyiarkan waktu-waktu berbuka puasa dan bersahur mengikut zon-zon kawasan juga merupakan sumbangan atas keperihatinan akhbar-akhbar terhadap masyarakat yang beragama Islam. Kolum-kolum dalam sesetengah akhbar seperti kolum *Delights* yang mempersembahkan resipi makanan Melayu sebenarnya secara tidak langsung boleh membantu (secara tidak langsung) memperkenalkan budaya Muslim kepada masyarakat lain. Sungguhpun kita harus faham perbezaan antara Islam sebagai satu cara hidup atau Ad-Din dan adat resam adalah berbeza, dalam konteks Malaysia yang mana masyarakat Melayu begitu sinonim dengan Islam, maka memperkenalkan adat resam Melayu boleh dilihat sebagai antara usaha untuk memperkenalkan Islam selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip Islam itu sendiri.

Selain itu, ada juga informan yang melihat pemingkakan sesebuah akhbar tentang isu berkaitan Muslim seperti terorisme perlu dilakukan dengan teliti: "*akhbar yang berprestij adalah akhbar yang melapor dengan teliti dan berhati-hati.*" Berkaitan langsung dengan petikan ini, informan berpendapat bahawa pihak media tidak seharusnya mengambil kesempatan ke atas isu ini untuk mewujudkan provokasi sesama rakyat yang berlainan agama meskipun setiap akhbar ada mempunyai golongan sasaran pembaca masing-masing seperti *Sin Chew Daily*, *Berita Harian* dan *New Sabah Times*. Malahan, dalam hal ini juga, informan berpendapat bahawa apa yang telah dilakukan oleh sesetengah media adalah untuk menjelaskan polemik di sebalik pertikaian tersebut dan mengajak rakyat bertoleransi dalam hal ini. Keterlibatan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang didalangi kepentingan politik terutamanya melihat majoriti penduduk Sabah dan Sarawak adalah beragama Kristian menggunakan media sosial untuk memperbesar-besarkan isu pertikaian penggunaan kalimah Allah telah menimbulkan keadaan panik seketika kepada seluruh rakyat Malaysia terutama sepanjang waktu kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) P.212 Sibu, Sarawak (27hb Mei 2010).

Saluran radio *Suria FM* Sabah ketika dimulakan oleh *DJ Othoe* dan kini *KKFM* dilihat telah memecahkan tradisi radio-radio ortodoks yang begitu terikat dengan kejituan dan ketepatan penggunaan bahasa dengan menampilkan cara baharu dengan mencerminkan identiti penduduk Sabah yang tiada jurang di antara mereka. Dalam sesuatu segmen radionya akan diputarkan lagu-lagu Melayu, Inggeris, Tamil dan bahasa tempatan Sabah dan ini merupakan suatu kelainan yang dilihat mampu memecahkan tembok jurang antara kaum. Selain itu, topik-topik yang dibincangkan turut memfokus kepada isu-isu semasa sosial masyarakat Sabah. Peranan radio-radio RTM pula, termasuk saluran Bahasa Mandarin *Sabah V FM* menyiarkan slot *HIDAYAH* (思想泉源) yang sudah pastinya memainkan peranan penting memberi serba-sedikit pendedahan kepada masyarakat Cina bahawasanya ajaran

Islam itu menekankan kebaikan (tidak seperti sterotaip yang diwujudkan media Barat). Begitu juga dengan peranan siaran slot *LAGU PATRIOTIK* (爱国歌曲) yang tidak kurang pentingnya untuk menanam semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang etnik. Usaha-usaha ini semuanya dipercayai berupaya membawa kepada integrasi di antara kaum. Memetik kata-kata salah seorang informan, "RTM adalah stesen penyiaran perkhidmatan awam yang bukan bermotifkan keuntungan tetapi mempunyai peranan asas untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat."

Walaupun ada yang melihat hal ini sebagai satu bentuk kawalan dari perspektif politik ekonomi, media di Malaysia umumnya boleh dilihat berusaha meleraikan sebarang ketegangan yang berpunca daripada hal-hal agama dan hubungan etnik. Kesemua informan sependapat bahawa pelaporan-pelaporan yang konsisten bermotifkan meleraikan sebarang konflik dalam masyarakat Malaysia yang secara sendirinya sudah merupakan pendekatan paling efektif untuk membantu menangkis sebarang persepsi negatif terhadap Islam mahupun Muslim. Dalam masa sama, media di Malaysia sentiasa peka bahawa mereka diadili oleh rakyat sepanjang masa. Ini mengingatkan mereka agar lebih berwaspada dan peka terhadap kandungan mereka.

Begitupun, terdapat juga beberapa insiden kontroversi yang telah diberikan sebagai contoh oleh informan yang menjurus kepada persengketaan antara kaum dan penganut berlainan agama seperti penyiaran karikatur jenaka menghina Nabi Muhammad Rasulullah sebagai penganas (*terrorist*) yang diambil daripada sebuah akhbar Denmark, *Jyllands Posten* oleh akhbar *Sarawak Tribune* pada 4hb Februari 2006. Isu-isu lain yang dibangkitkan ialah isu penempatan semula tapak pembinaan patung Mazu di Kudat, kecuaihan akhbar *The Star* tersilap menyiarkan juadah masakan tidak halal (gambar hidangan daging babi) di dalam akhbar sisipannya yang bertajuk '*Ramadan Delights*' dalam bulan Ramadan (11hb Ogos 2011), serta jenaka dan komedi yang mengandungi unsur-unsur perkauman terselit dalam iklan *Ramadan* (Ogos 2011) yang disiarkan oleh 8TV mengundang pelbagai reaksi daripada khalayak dan memaksa pihak 8TV memohon maaf dan menarik balik iklan tersebut. Kesemua ini merupakan contoh insiden-insiden yang menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan rakyat yang menyebabkan campur tangan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Dalam usaha menyatupadukan rakyat, semua isu-isu media tersebut berisiko tinggi memecah-belahkan masyarakat Malaysia yang hidup dalam sebuah negara Islam.

Selain itu, komitmen daripada kerajaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam secara tidak langsung turut menyumbang kepada usaha memerangi Islamofobia. Misalannya, media di Malaysia turut didasari oleh falsafah negara yang merangkumi *Rukun Negara*, dan perundangan komunikasi yang sedia ada. Paling utama adalah intipati yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia misalannya berkaitan Islam sebagai agama rasmi, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dan sebagainya. Agensi-agensi kerajaan berkaitan, khususnya Kementerian Dalam Negeri (KDN) mempunyai peraturan yang lebih spesifik dalam menangani hal ini seperti penerbitan semula mana-mana bahagian teks dalam *Al-Quran* yang memerlukan permit dan tidak boleh dicetak secara tidak terkawal. Pengusaha industri media massa di Malaysia juga turut terikat dengan garis panduan penyiaran daripada JAKIM misalannya pelakon yang bukan Islam tidak boleh memegang watak sebagai seorang Islam, tidak boleh melakukan ibadah dengan cara salah sama ada dengan niat atau tidak untuk mempersendakan ibadah-ibadah tersebut, dan mengelakkan kandungan media yang mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akhlak.

Selaras dengan dasar kerajaan, media di Malaysia turut menolak sebarang diskriminasi terhadap wanita selari dengan Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi. Akhbar di Malaysia juga mempunyai ruangan yang lebih banyak untuk mengupas sebarang penindasan mahupun kezaliman ke atas wanita. Begitupun, mengupas tentang hal ini, salah seorang informan informan daripada stesen televisyen berpendapat, "*ruangan dalam berita televisyen masih lagi terbatasi kecuali rancangan forum dan diskusi seperti Sudut Pandang.*" Tidak lupa komitmen kerjasama Malaysia dengan negara-negara serantau seperti Persatuan

Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan dengan AS memerangi terorisme, peranan Malaysia dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) , serta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang turut mempengaruhi wacana media di Malaysia.

Berkaitan ini, penapisan sendiri (*self-censorship*) oleh media sendiri juga memainkan peranan sangat penting. Sebagai misalannya mengikut salah seorang informan, "*Apabila menyentuh soal etnik dan agama seperti dengan tidak memperbesarkan insiden-insiden bakar gereja, buang kepala babi hutan ke dalam masjid, mahupun gantung kepala lembu di pintu pagar kuil kerana itu semuanya adalah perbuatan sabotaj segelintir kecil parasit-parasit dalam masyarakat Malaysia yang devian, berfikiran cetek dan ada yang buat itu kerana suka-suka.*" Media, katanya lagi, dalam hal ini akan cuba menekankan kesalahan-kesalahan tersebut sebagai tingkahlaku tidak rasional berbanding menyalakan api persengketaan sesama kaum. Pendapat daripada seorang informan lain, "*Usaha-usaha untuk menjejaskan kestabilan negara oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab merupakan masalah paling serius dihadapi negara paha masa kini di mana rakyat tertakluk kepada perhimpunan protes yang sering kali menjadi rusuhan yang menyebabkan ketidakstabilan negara.*" Ini adakalanya dipengaruhi oleh faktor latar belakang pengamal media. Sebagai misalannya seorang informan yang merupakan ketua editor di salah sebuah bilik berita hal ehwal semasa sebuah stesen televisyen menyatakan, "*sesebuah keluarga di Sabah dan Sarawak boleh lihat the siblings, menganut pelbagai agama. Thus, degree of tolerances higher. Furthermore, the jurang between ethnics in Sabah Sarawak doesn't looks like Malay, Chinese and Indian in Peninsular Malaysia.*" Beliau menjelaskan ciri-ciri sesebuah keluarga di Sabah dan Sarawak seperti adik beradik yang memegang agama yang berbeza secara tidak langsung mempengaruhi tahap toleransi di antara individu yang mempunyai kepercayaan agama berlainan apatah lagi jurang antara etnik Melayu, Cina dan India di Sabah berbeza dengan di Semenanjung Malaysia. Latar belakang editor juga mempengaruhi keputusannya dalam proses penghasilan berita. Apabila seseorang editor mempunyai latar belakang kekeluargaan asalnya sama etnik tetapi berubah agama disebabkan perkahwinan dengan etnik-entik lain mahupun pegangan agama berlainan, ia secara tidak langsung juga akan mempengaruhi penapisan sendiri daripada diri beliau terhadap isu-isu perkauman dan agama.

Namun, selain faktor itu, kerelevanan sesuatu isu tersebut kepada khalayak sasaran mereka juga mempengaruhi keputusan dalam kalangan pengampong media. Sebagai misalannya menurut salah seorang informan, media di Sabah dan Sarawak turut menerima surat daripada pihak berkuasa (KDN) meminta bantu meredakan konflik pertikaian penggunaan kalimah Allah (2010) yang disusuli dengan siri serangan ke atas gereja, masjid dan kuil, mereka tidak respons kepada permintaan tersebut kerana hal tersebut tidak relevan kepada konteks Sabah dan Sarawak. Ini berdasarkan petikan informan, "*but media in Sabah and Sarawak ignore the request [of publishing such stories because] as it isn't relevant to [to the context] Sabah Sarawak context [the editor as a gatekeeper] doesn't feel necessary to perbesar-besarkan the isu [exaggerate the isse] in here.*" Tambah editor tersebut lagi, isu-isu seperti ini sampai kepada pengetahuan masyarakat di Sabah dan Sarawak menerusi media dari Semenanjung Malaysia dan respons daripada media tempatan di Sabah dan Sarawak hanyalah pada bahagian-bahagian penyelesaiannya kepada masalah tersebut.

ISU-ISU DAN CABARAN

Cabaran semasa media di Malaysia hari ini ialah terpaksa bersaing dengan saluran-saluran media dari luar negara dalam era globalisasi. Menurut salah seorang informan, "*media di Malaysia sebenarnya hanyalah secebis kecil daripada keseluruhan saluran-saluran media yang ada dalam 'dulang' [besar] yang boleh diakses oleh rakyat Malaysia dan ini belum mengambilkira media sosial lagi.*" Konsumer stesen siaran berbayar Astro misalnya mempunyai pelbagai saluran berita 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu yang boleh dipilih. Mereka mempunyai *BBC World News, CNN International News, Al-Jazeera English (AJE), CNBC Asia, CCTV4, CCTV9* dan sebagainya. Begitupun dengan kepesatan teknologi media memasuki era baru dengan kemunculan televisyen protokol internet (*IPTV - Internet protocol television*), sesiapa sahaja yang mempunyai akses kepada Internet boleh mengikuti saluran berita antarabangsa secara online. Antara saluran televisyen yang disediakan oleh IPTV tersebut adalah *BBC Knowledge, BBC Lifestyle, CBeebies, Channel News Asia, DWTV Asia, Channel V Taiwan, Euronews, dan Star Chinese Channel*. Contoh berita berkenaan insiden pengeboman di Bali, genosid di Selatan Thailand, pengeboman di India, pengeboman oleh puak Ugur ke atas kawasan-kawasan orang-orang Han di Urumuqi, Xinjiang, China dan sebagainya semuanya boleh diakses melalui saluran-saluran media asing tersebut. Walaupun fenomena ini ada kebajikannya, ia juga menyumbang ke arah prejudis dan sterotaip negatif yang membawa kepada fenomena Islamofobia menular dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Ini belum mengambilkira saluran-saluran hiburan seperti *HBO, MAX (Cinemax), STAR Movies* dan sebagainya besar pengisian kandungannya terdiri daripada filem-filem *Hollywood* yang mengalihkan perhatian daripada (mensasarkan) komunisme kepada Islam dan Muslim yang disamakan dengan terorisme sebagai watak jahat dalam filem-filem mereka. Ini adalah contoh maklumat-maklumat yang terpesong disebabkan salah tafsir terhadap konsep-konsep Islam seperti *Jihad*, ataupun mungkin sahaja ada yang sengaja diputarbelitkan kebenaran. Sepertimana menurut informan, "*jalan cerita dan interpretasi penerbit berita yang dipengaruhi oleh ideologi dan kepentingan nasional masing-masing akan mencorak interpretasi mereka terhadap insiden-insiden tersebut yang seterusnya disampaikan dalam berita yang mereka terbitkan.*" Ini dengan mudahnya memberi satu versi cerita yang berkecenderungan memburukkan dan mengaibkan nama Islam dan Muslim. Cabaran utama masa akan datang adalah probabiliti masyarakat Malaysia mengakses kepada saluran-saluran yang tidak ditapis walhal ketika ini semua pihak bergelut berusaha menapis penularan Islamofobia. Berkaitan ini, kemunculan Televisyen Protokol Internet (IPTV) mulai tahun 2010 yang mana audien mengakses saluran televisyen melalui komputer dan telefon bimbit dijangkakan akan merubah wajah mediaskap Malaysia sekali lagi selepas pengenalan televisyen satelit ASTRO pada tahun 1996.

Perkembangan ini secara tidak langsung mempunyai impak kepada masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik dan mengamalkan pelbagai kepercayaan agama, yang dilihat secara sendirinya membuka ruang kepada perselisihan pendapat dalam kalangan masyarakat majmuk. Percanggahan pendapat bukan sahaja boleh disaksikan berlaku disebabkan faktor demografi masyarakat pluralistik Malaysia tetapi percanggahan pendapat antara golongan yang berpegang kuat kepada nilai-nilai agama dengan yang golongan yang lebih liberal pemikiran mereka dipengaruhi oleh nilai-nilai modenisasi. Golongan liberal dilihat wujud hasil daripada kepincangan dewasa ini kesan daripada penularan nilai-nilai Barat yang meresap ke dalam pemikiran generasi baharu di Malaysia. Fahaman yang timbul atas dasar hak asasi manusia tetapi merosakkan akidah seperti tuntutan hak asasi manusia golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) bawah *Seksualiti Merdeka* atas prinsip demokrasi dan kebebasan bersuara ditentang hebat golongan yang dilihat konservatif. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti politik yang berselindung di sebalik agama melalui contoh propaganda-propaganda undi BN akan masuk

neraka yang secara umumnya mengelirukan ramai masyarakat. Soal-soal kecelaruan sosial (*social disorder*) ini amat mudah menimbulkan salah faham dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sebagaimana menurut pendapat seorang lagi informan, "*Islamofobia tidak mungkin dapat diselesaikan oleh sebuah negara sahaja, Malaysia sendiri tidak boleh menangani penularan fenomena ini, ia memerlukan komitmen dan ketelusan daripada semua negara [yang terlibat].*" Hujah lanjut beliau, "*Persefahaman harus dicapai di antara semua negara dan ini hampir mustahil akan berlaku dalam konteks masa kini.*" Bukan sahaja media di Malaysia harus menghormati kepentingan publik hak semua rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama, dan budaya, tetapi media harus berfikir dalam konteks yang lebih global. Media di Malaysia bukan sahaja harus memainkan peranan penting menyelesaikan pertikaian fahaman agama dan ideologi, menyeru bertolak-ansur, dan merungkai konflik, dan bukannya sebagai batu api yang menyemarakkan lagi persengketaan untuk konteks dalaman negara tetapi suatu konteks yang lebih luas.

Namun begitu, pihak RTM turut menghadapi tekanan daripada segelintir rakyat yang tidak memahami peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Keadaan ini dikeruhkan lagi dengan kritikan-kritikan daripada pihak-pihak tertentu yang bermotifkan kepentingan politik masing-masing. Kritikan ini merangkumi pertikaian sebab populariti RTM tidak setanding stesen-stesen penyiaran lain yang di bawah Media Prima walhal RTM merupakan stesen penyiaran tertua di Malaysia. Walau bagaimanapun, sepertimana menurut informan, faktor utama menyebabkan RTM dikecam adalah kerana RTM beroperasi dengan bajet daripada kerajaan dan bukan seperti stesen-stesen swasta yang mengutamakan hiburan dan keuntungan. Jika dilihat dengan lebih teliti, tiada kandungan siaran RTM yang salah, mahupun tidak ikut trend semasa, tetapi penekanannya pada pendidikan dan tanggungjawab sosial mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan menyebabkan pengisian kandungan saluran-saluran RTM sedemikian rupa. Sungguhpun hal ini dikritik oleh sesetengah pengamal dan pengkaji media, dari satu sudut, RTM boleh dilihat sebagai sebuah organisasi media yang tidak semata-mata mengharap keuntungan dengan menyiarkan rancangan hiburan. RTM boleh berubah sepertimana penyiaran komersil stesen-stesen swasta lain tetapi siapakah yang harus dipertanggungjawabkan untuk menjaga nilai dan budaya masyarakat Malaysia. Apatah lagi ini antara kesepakatan utama yang termaktub dalam Wawasan 2020 yang berhasrat melahirkan masyarakat Malaysia yang sempurna dengan nilai moral dan etika yang tinggi. Justeru itu, persepsi negatif terhadap kredibiliti RTM ini perlu dikikis kerana tanggungjawab sosial terhadap rakyat yang utama kini dipikul RTM. Dalam hal ini, pastinya salah satu agenda penting itu termasuklah usaha mengurangkan Islamofobia dalam kalangan masyarakat Malaysia itu sendiri.

PERBINCANGAN

Umumnya konstruk Islamofobia wujud dalam pelbagai bentuk termasuk jenaka seperti karikatur yang sinis sindirannya bertujuan menanam kebencian dan ketakutan terhadap Islam. Hal ini yang seharusnya membawa kepada sikap prejudis terhadap Islam dan Muslim menimbulkan ketidak senangan dalam kalangan pengamal media di Malaysia. Namun, ia terdapat di mana-mana sudut media global yang membanjiri mediaskap Malaysia. Realitinya boleh dilihat dari segi kurangnya perwakilan (*underrepresentation*) untuk Islam dan Muslim di media global yang didominasi oleh saluran-saluran media Barat untuk menyuarakan kebenaran, tetapi media di Malaysia nampak memberikan ruang yang cukup besar kepada isu-isu berkenaan Islam dan Muslim. Apa yang juga boleh dianggap sebagai suatu bentuk imperialisme baharu melalui media telah menjadi suatu cabaran kepada pembangunan kandungan saluran-saluran media nasional untuk menangkis skeptisme tersebut. Reaksi daripada media di Malaysia terhadap penularan Islamofobia adalah dengan menyiarkan rancangan-rancangan yang mampu mengekalkan suasana aman dan harmoni dalam

masyarakat pluralistik Malaysia. Sepertimana menurut informan, "*Syukur media di Malaysia tidak mempraktikkan amalan sedemikian rupa [mengutamakan rancangan hiburan semata-mata] sebaliknya telah mengadakan pelbagai usaha untuk menangkis penularan fenomena tersebut.*"

Polemik dalaman negara di Amerika Syarikat dan Eropah dipercayai mendesak media mereka menggandakan usaha untuk mengalihkan perhatian rakyat mereka terhadap masalah dalaman negara kepada 'musuh luar' untuk mengurangkan ketegangan dalaman negara. Dengan bantuan daripada teknologi komunikasi dan globalisasi, mereka berjaya mencipta sfera awam yang mendukung ideologi dan agenda media mereka.

Justeru, dalam usaha memerangi Islamofobia di Malaysia, komitmen untuk memerangi penularan Islamofobia di Malaysia boleh dipecahkan kepada dua iaitu peranan oleh media dan kerajaan. Media Malaysia memilih untuk menjadi pencipta daripada pembawa (*carrier*) kandungan daripada globalisasi media. Kesedaran tanggungjawab diri pengamal media melalui penapisan sendiri dan hormat kepada dasar dan peraturan sedia yang didorong oleh kesedaran dan keinginan mengekalkan suasana aman dan harmoni telah berjaya membimbing saluran-saluran media di Malaysia telah mendorong sesetengah pihak mengiktiraf media di Malaysia sebagai sebuah model Negara Islam yang patut dijadikan teladan. Begitupun, media masih memerlukan perlindungan daripada kerajaan melindungi kemasukan nilai-nilai negatif dengan mengamalkan kebebasan secara bertanggungjawab. Ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak iaitu media, kerajaan, pengawal selia, dan rakyat itu sendiri. Rakyat Malaysia harus menyedari meskipun Muslim merupakan majoriti di Malaysia, di persada antarabangsa masih merupakan golongan minoriti.

Pendirian Malaysia sangat jelas dan ditunjukkan dalam reaksi (respons) saluran-saluran arus perdana di Malaysia seperti menyelar serangan AS ke atas Iraq pada 19 Mac 2003. Memetik kata-kata seorang informan, "*Malaysia [bukan sekadar] menentang terorisme tetapi memperbetulkan persepsi bahawa Islam dan Muslim itu adalah teroris.*" Semua berita antarabangsa yang disiarkan di Malaysia oleh media nasional, laporannya ditulis semula dari sudut perspektif Malaysia. Peranan Malaysia adalah mendesak (mengadvokasi) keamanan dunia sejagat. Dalam keadaan dan konteks tertentu, penyiaran awam adalah lebih baik daripada media arus perdana yang dikawal oleh pihak persendirian.

Begitupun satu faktor yang dilihat dalam konteks Malaysia yang berkemungkinan akan membakar dan membiarkan Islamofobia ini merosakkan negara-bangsa adalah aktor politik yang tidak bertanggungjawab. Ini sepertimana mengikut pandangan salah seorang informan, "*...some politicians like to create unhappiness [discontent],unrest, [and]..violenceby bringing people to the streets.* Begitu juga terdapat sesetengah elitis politik yang cuba membakar sentimen keetnikan untuk meraih sokongan. Ia adalah suatu bentuk rasis yang membawa keganasan dan konflik antara etnik yang akhirnya membawa malapetaka kepada rakyat apatah lagi politik di Malaysia bersifat etno-politik.

Dalam pada itu, ada juga insiden-insiden kontroversi yang dicituskan media nasional sendiri. Ini misalnya menurut seorang informan, media adakala boleh "*overdo report.*" Terdapat dua senario yang boleh dirumuskan iaitu pertama, isu kontroversi yang dicipta oleh media yang mensensasikan sesuatu peristiwa untuk meningkatkan jualan. Kedua, peristiwa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat dan media hanyalah bertindak sebagai 'pengantara' melaporkannya tetapi dengan cara yang boleh mencetuskan kontroversi dan sensasi. Contohnya ialah ada berita-berita yang berlaku hanya kepada golongan minoriti masyarakat, tetapi dilaporkan secara sensasi sehingga mencetuskan panik dalam kalangan rakyat. Pelaporan jenis ini banyak dikaitkan dengan kelemahan pemberitaan berbentuk tabloid.

Begitupun, dalam kedua-dua konteks tersebut media berkuasa mencanai acuan kandungan media yang ingin disampaikan kepada khalayak melalui penentuan agenda mahupun pembingkai dalam pemberitaan. Contoh-contoh diberikan informan juga menunjukkan berlaku rasis budaya sama ada disengajakan atau tidak sengaja seperti iklan

Ramadan yang disiarkan oleh 8TV. Apa-apapun sepertimana menurut informan, "... *try to balance the news reports, don't overdo. Know each religion persuades its penganut [the believers] to establish [embrace] their religion.*" Dalam sebarang penerbitan baik berita mahupun rancangan-rancangan pendidikan dan hiburan, prioritiya semestinya mengambilkira toleransi agama, toleransi antara kaum, tidak membuat provokasi terhadap agama lain, menyerlahkan apa yang penting dan mengabaikan yang kurang penting serta tidak bertindak agresif atau melulu melaporkan sesuatu yang belum pasti. Ini semuanya sudah menjadi prinsip-prinsip asas dalam amalan pengamal media di Malaysia.

Media di Malaysia sentiasa berusaha mengadakan usaha-usaha untuk memberikan kefahaman yang lebih tepat berkenaan propaganda Islamofobia sambil menyeru tolak-ansur dalam kalangan rakyat. Selain itu, media di Malaysia harus menyediakan perspektif-perspektif global mengenai isu-isu budaya, memberi ruang kepada golongan minoriti untuk suara-suara mereka didengari, dan mempromosikan dialog silang budaya. Dalam soal ini, wartawan siaran di stesen-stesen televisyen juga perlu amat jelas dengan selok-belok kewartawan siaran kerana kepincangan yang dipelapori media Barat ini memerlukan pendekatan strategik khususnya pbingkaian berita (*news framing*) untuk menyampaikan maksud yang dikehendaki.

Walaupun begitu, kajian-kajian lanjutan masih diperlukan terutama untuk mengambilkira perspektif daripada khalayak berkenaan keberkesanan usaha-usaha daripada media di Malaysia memerangi penularan gejala fenomena Islamofobia. Ini termasuklah keprihatinan terhadap isu-isu sensitif yang melibatkan agama dan etnik. Cadangan kajian lanjut ialah dengan memperdalam dan mengenalpasti bagaimana dan bila Islam dan penganutnya menjadi subjek prejudis perkauman dan budaya. Perbincangan seterusnya juga wajar mempertimbangkan pandangan daripada Chandra Muzaffar (2004) yang menyarankan dialog persoalan pokok Islam dan Muslim harus mengambilkira lima perkara iaitu konteks sejarah, imperialisme baru, mentaliti pengepungan, pensensasian berita, dan kekurangan nilai-nilai yang dikongsi bersama. Potensi agenda perpaduan masyarakat untuk mempromosi kesaksamaan dan dialog dalam persekitaran tempatan.

Usaha-usaha yang konsisten dan berterusan nampaknya sudah sedia ada, namun media di Malaysia memerlukan sesuatu yang lebih berpandangan jauh, suatu matlamat yang jelas untuk menetapkan halatuju – seperti *La Raza* (di Sepanyol) merupakan usaha untuk mencampur gaulkan etnik-etnik yang berkonflik pada masa lalu dan menjadikannya kelihatan seperti bangsa baru yang memiliki semua nilai-nilai kebudayaan multi-etnik. Pendekatan ini mungkin boleh dipertimbangkan berbanding mengurangkan tumpuan terhadap perbezaan antara kaum di Malaysia tetapi secara aktif mencari persamaan dan persefahaman antara rakyat. Untuk memastikan kelestarian dasar, pemimpin politik sendiri harus istiqamah dan perspektif yang sebegini perlu dikekalkan biarpun berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan parti untuk mengelakkan rakyat menjadi mangsa 'kekeliruan dasar' akibat transisi parti. Dalam masa yang sama, masyarakat Muslim di negara ini sendiri dilihat perlu mengamalkan konsep kesederhanaan ataupun *Wasatiyyah* dalam menangani isu Islamofobia ini.

Bagi informan, rahsia kepada komitmen dan kejayaan media di Malaysia menangani fenomena Islamofobia dan memartabatkan ajaran Islam adalah pekerja-pekerja media di Malaysia yang majoritinya adalah Muslim. Tambahan lagi, di organisasi-organisasi media yang berteraskan siaran Bahasa Melayu dan mereka yang sudah 'sehati, biasa dan menerima baik' persekitaran yang terbentuk di Malaysia dengan masyarakatnya yang berbilang kaum, kepelbagaian agama dan mempraktikkan kebudayaan yang unik, membuat pengamal media tidak kekok dengan landskap masyarakat Malaysia.

Keadaan ini boleh dikaitkan dengan keupayaan jurnalis untuk '*self-organised*' (sendiri menganjurkan) rakyat itu sendiri. Hal ini berlaku bukan sahaja di kalangan pekerja-pekerja media tetapi kalangan rakyat itu sendiri kerana tanpa kerjasama daripada masyarakat tidak mungkin media di Malaysia dapat memperoleh maklumat yang diperlukan

dan seterusnya dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dalam melapor berita yang sahih. Di samping itu, tidak diketepikan peranan daripada kerajaan Malaysia itu sendiri sebagai penggubal dasar dan polisi dan penguatkuasa kepada segala yang dirancang untuk mewujudkan suatu suasana yang kondusif untuk media beroperasi. Tambah pendapat seorang informan, kadang-kala mereka berasa simpati dengan rakan-rakan media yang diberikan teguran dan ada yang dikenakan tindakan tetapi perlu menyedari juga bahawa kemungkinan (kecenderungan) suara-suara ketidakpuasan hati ini hanyalah suara-suara minoriti kerana ada lagi lebih ramai di luar sana menolak tindak-tanduk menggugat ketenteraman awam. Pengamal media yang lain pula mungkin akan rasa marah dan timbul pelbagai perasaan tidak puas hati, tidak adil, berat sebelah, diskriminasi dan sebagainya jika ada pengamal media yang melanggar peraturan tetapi tidak dikenakan tindakan. Dalam kalangan pengamal media sendiri merasakan, "*kita semua pengamal media telah menerima set peraturan tersebut dan mempersetujui bekerja di dalam lingkungan kekuasaan tersebut. Makanya tiada alasan untuk kita tidak menghormatinya atau akur kepada garis panduan sedia ada.*"

KESIMPULAN

Apa yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini memfokus kepada wacana media di Malaysia dan fenomena Islamofobia. Fenomena yang disebabkan oleh prejudis terhadap agama Islam dan kepada golongan Muslim itu telah mendapat perhatian daripada pengeluar kandungan media di Malaysia khususnya untuk menangkis persepsi-persepsi negatif yang dilontarkan dan seterusnya berusaha untuk mengimbangnya dengan maklumat-maklumat yang tepat dan benar. Malaysia sebagai salah sebuah negara Islam turut terkena tempias daripada propaganda oleh media Barat dengan alasan memerangi terorisme dan melihat senario ini sebagai suatu ancaman kepada keselamatan dan kestabilan dalaman negara. Namun, kehebatan media Barat yang mempunyai akses ke seluruh dunia berikutan teknologi-teknologi yang lebih canggih daripada kebanyakan negara-negara Islam yang masih bergelar Negara-negara Membangun adakalanya begitu sukar dihalang. Maka, tindak-tanduk kuasa-kuasa Barat tersebut sedikit-sebanyak telah menimbulkan kegusaran kepada negara-negara seperti Malaysia sendiri terutamanya bimbang akan menimbulkan perselisihan sesama masyarakat multi-etnik Malaysia. Hal ini seterusnya mendesak saluran-saluran domestik media memainkan peranan penting untuk memperbetulkan persepsi-persepsi negatif yang dilontarkan dan seterusnya menyedarkan (*enlighten*) rakyat tentang ajaran Islam yang sebenarnya.

Maka, polemik anti-Islam yang disebabkan perbezaan ideologi di antara Islam dengan Barat telah menular ke seluruh dunia. Penularan Islamofobia telah muncul menjadi cabaran baharu kepada media di negara-negara Islam seperti Malaysia untuk menangkis pandangan serong terhadap Islam dan Muslim. Maka hari ini, kandungan media Malaysia mengabungkan kepelbagaian maklumat dan perspektif, hiburan, pendidikan dan pembujukan untuk mengurangkan impak Islamofobia. Komitmen dan usaha-usaha daripada media di Malaysia setakat ini harus diberikan kredit kerana sentiasa peka dengan isu-isu sensitif agama dan bahasa, prejudis budaya dan perkauman. Begitupun media di Malaysia masih perlu berhati-hati dengan dakyah-dakyah politik dalaman negara yang cenderung memanipulasikan isu-isu perkauman dan agama sebagai modal berkempen untuk meraih undi. Implikasinya pihak yang tidak bertanggungjawab akan mewujudkan skeptikal terhadap Islam mahupun Muslim sudah pastinya akan menanam kebencian agama dan etnik lain dalam kalangan rakyat Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Sajid. 2005. "Islamophobia: A new word for an old fear." dalam Seminar "Osce Conference on Anti-Semitism and on Other Forms of Intolerance" di Cordoba, 8 & 9 June 2005. Diambil dari http://www.osce.org/documents/cio/2005/06/15198_en.pdf. We retrieved the paper pada 26hb November 2011.
- Agence France-Presse. 3/8/2011. *Malaysian TV removes Ramadan ads amid 'racism' complaint.* diambil dari <http://news.malaysia.msn.com/regional/article.aspx?cp-documentid=5116819> pada 3hb Ogos 2011.
- Merican, Ahmad Murad (2005). 'Religious Ideas: Islam in the Malay Press,' in Syed Farid Alatas, ed. *Covering Islam: Challenges and Opportunities for Media in the Global Village*. Singapore: Centre for Research on Islamic and Malay Affairs and Konrad Adenauer Foundation.
- Ahmad Murad Merican. 2010. Orientalism in reporting religion: Approaches to teaching journalism and Islam as a civilization. *Asia Pacific Media Educator*, 20, 163-176.
- Allen, C. 2010. An Overview of Key Islamophobia Research. The National Association of Muslim Police (NAMP).
- Amir Saaed. 2007. Media, Racism and Islamophobia: The Representation of Islam and Muslims in the Media. *Wiley Online Library*. 1(2):443-462.
- Anwar Shaheen. 2009. Patriarchal Education and Print Journalism: Their Emancipating Impact on Muslim Women of India during 1869-1908. *Pakistan Journal of History and Culture* XXX(2): 1-42.
- Archer, B. 2007. Family Law Reform and the Feminist Debate: Actually-Existing Islamic Feminism in the Maghreb and Malaysia. *Journal of International Women's Studies*. 8(4): 49-59.
- Afshar, H. 2008. Can I See Your Hair? Choice, Agency and Attitudes: The Dilemma of Faith and Feminism for Muslim Women Who Cover. *Ethnic and Racial Studies*. 31(2): 411-427.
- Boyle, M.P., Schmierbach, M., Armstrong, C.L., Cho, J., McCluskey, M., McLeod, D.M., Shah, D.v. 2006. Expressive Responses to News Stories about Extremist Groups: A Framing Experiment. *Journal of Communication* 56: 271-288.
- Brown, G. 2005. The rough and rosy road: Sites of contestation in Malaysia's shackled media industry. *Pacific Affairs* 78: 39-56.
- Chandra Muzaffar. 2004. "The Media, Islam and the West" dalam Eashwar, S.S. (ed.) 2004. *Dialogue, Understanding and Tolerance*. Asia Media Summit 2004. Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development. m/s. 22-32.
- Chomsky, N. 2003. *Power and Terror: Post-9/11 Talks and Interview*. New York: Seven Stories Press.

- Christine, O., Lars, W., Rosemary, P., & Manaf, B. 2013. Media and Islamophobia in Europe and the United States. *International Communication Gazette* 76(1): 27-46.
- Cottle, S. 2000. *Ethnic Minorities and the Media: Changing Cultural Boundaries*. Buckingham: Open University of Press.
- Dixon, T.L., & Linz, D. 2000. Race and Misrepresentation of Victimization on Local Television News. *Communication Research* 27: 547-573.
- Eashwar, S.S. (editor). 2004. Dialogue, Understanding and Tolerance. *First Asia Media Summit 2004*. Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development.
- Elliott, C.W., & Greer, C.F. 2010. Newsworthiness and Islam: An Analysis of Values in the Muslim Online Press. *Communication Quarterly* 58(4): 414-430.
- Entman, R.M. 1990. Modern Racism and the Image of Blacks in Local Television News. *Critical Studies in Mass Communication* 7: 332-345.
- Entman, R.M. 1992. Black in the News: Television, Modern Racism, and Cultural Changes. *Journalism Quarterly* 69:341-361.
- Ernst, Carl W. (2004). *Rethinking Islam in the Contemporary World*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Esposito, J.L. 1992. *The Islamic Threat: Myth or Reality*. Oxford: Oxford University Press.
- Fahmy, S. 2010. Contrasting Visual Frames of our Times: A Framing Analysis of English and Arabic-language Press Coverage of War and Terrorism. *Gazette* 72(8): 695-717.
- Forrest, J. & Dunn, K. 2006. Racism and Intolerance in Eastern Australia: a geographic perspectives. *Australia Geographer* 37(2): 167-186.
- Foster, N., Cook, K., Barter-Godfrey, S., & Furneaux, S. 2011. Fractured Multiculturalism: Conflicting Representations of Arab and Muslim Australian in Australian Print Media. *Media, Culture & Society* 33(4): 619-629.
- Gans, H. 1979. *Deciding What's News: A Study of CBS Evening News, NBC Nightly News, Newsweek, and Time*. New York: Pantheon.
- Gerbner, G., Gross, L., Morgan, M., Signorielli, N., & Shanahan, J. 2002. Growing up with television: Cultivation Process. Dlm. Bryant, J. & Zillmann, D. (Eds.). *Media Effects: Advances in Theory and Research* (2nd). Mahwah, NJ: Erlbaum. m/s. 43-68.
- Gorham, B.W. 2006. News Media's Relationship With Stereotyping: The Linguistic Intergroup Bias in Response to Crime News. *Journal of Communication* 56: 289-308.
- Hall, S. 1992. 'New Ethnicities in Race'. Dalam Rattansi, A. & Donald, J. 1992. *Culture and Difference*. London: Sage.
- Humphreys, R.S. 1992. *Islamic History: A Framework for Inquiry*. Cairo: The American University in Cairo Press.

- Ilhem, A., & Abeer, N. 2011. Framing Political Islam in Popular Egyptian Cinema. *Middle East Journal of Culture and Communication* 4(2): 203-224.
- Kamali, M.H. 2000. *Freedom of Expression in Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.
- Kamali, M.H. 2002. *Freedom, Equality and Justice in Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.
- Khiabany, G. 2003. Dr-Westernizing Media Theory, or Reverse Orientalism: 'Islamic Communication' as Theorized by Hamid Mowlana. *Media, Culture & Society* 25: 415-422.
- Kovach, B. & Rosenstiel, T. 2001. *The Elements of Journalism: What Newspeople Should Know and the Public Should Expect*. New York: Three Rivers Press.
- Lowe, B. 1985. "Islam and the media In New South Wales", Anti-Discrimination Board (ed.), *Islam in Australia*, Sydney: New South Wales Anti-Discrimination Board.
- Mahony, I. 2010. Diverging Frames: A Comparisons of Indonesian and Australian Press Portrayals of Terrorism and Islamic Groups in Indonesia. *Gazette* 72(8): 739-758.
- Manning, P. 2006. Australians Imagining Islam. Dalam 'Poole, E. & Richardson, J.E. (Ed.). *Muslims and the Media*. London: IB Tauris. m/s. 128-141.
- Marx, T., 2008. "Islam and Media Discourses in India: Constructing Islamophobia". *International Journal of South Asian Studies*, 1(2), 284-83.
- Meena Sharify-Funk. 2009. Representing Canadian Muslims: Media, Muslim Advocacy Organizations, and Gender in the Ontario Shari'ah Debate. *Global Media Journal* :73-89.
- Norris, P., Kern, M. & Just, M. (ed.). 2003. *Framing Terrorism: The News Media, the Government and the Public*. New York: Routledge.
- Pludowski, T. (ed.) 2007. *How the World's News Media Reacted to 9/11: Essays from Around the Globe*. Spokane, Washington: Marquette Books.
- Poynting, S. & Manson, V. 2006. 'Tolerance, Freedom, Justice and Peace'? Britain, Australia and Anti-Muslim Racism Since 11 September 2001. *Journal of Intercultural Studies* 27(4): 365-391.
- Poynting, S. & Manson, V. 2007. The Resistible Rise of Islamophobia: Anti-Muslim racism in the UK and Australia before 11 September 2001. *Journal of Sociology* 43(1): 61-96.
- Romano, A. 2003. *Politics and the Press in Indonesia: Understanding an Evolving Political Culture*. London: Routledge.
- Rose, G., & Hoge, J.F. Jr. 2001. *How Did this Happen: Terrorism and the New War*. USA: Foreign Relation/ PublicAffairs.
- Amir Saeed. 2007. Media, Racism and Islamophobia: The Representation of Islam and Muslims in the Media. *Sociology Compass* 1(2): 443-462.

- Said, E. 1997. *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. London: Vintage. Said, Edward (1981). *Covering Islam: How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. New York: Pantheon_____, (1979). *Orientalism*. New York: Vintage Books.
- Saifuddin Ahmed & Jorg Matthes. 2016. Media Representation of Muslims and Islam from 2000-2015: A Meta Analysis. *International Communication Gazette* 79(3): 219-244
- Shamsul Amri Baharuddin (2005). ' "Islam Popular".' *Dewan Budaya*, May, p. 42-44.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. *Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience*. Kertas Kajian Etnik UKM Bil. 2 (November) 2008.
- Steele, J. 2011. Justice and Journalism: Islam and Journalistic Values in Indonesia and Malaysia. *Journalism* 12(5): 533-549.
- Syed Arabi Idid. 1989. *Malaysia*. In Achal Mehra (ed). *Press System in ASEAN States*. Singapore: AMIC. m/s. 41-56.
- Tuchman, G. 1978. *Making News: A Study in the Construction of Reality*. New York: Free Press.
- Zafar Iqbal. 2010. *The Constructions and Measurements of Islamophobia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar "The International Conference on Communication and Media 2010" (iCome'10). Bayview Hotel, Melaka, Malaysia. 18-20 Jun 2010.
- Zelizer, B. & Allan, S. (ed.). 2002. *Journalism After September 11*. London: Routledge.
- _____. Barat perlu kutuk Islamofobia. *Utusan Malaysia*. (10 Jun 2008). m/s. 3.
- www.48hourfilm.com
- www.IslamOnline.net